


Lengkapkan cerita dengan kata berimbuhan awalan yang betul.

DSKP: SP5.2.1 (iii)

berputus menjadi berjumpa membantu bercucuk menjaga

i-THINK Peta Alir



Encik Wong mahu menjadi seorang petani.

Dia (1) bercucuk tanam di tanahnya seluas satu hektar. Dia menanam pelbagai jenis tanaman seperti cili, terung, bendi, dan kacang panjang.

Pada suatu hari, semua tanaman Encik Wong rosak. Tanamannya diserang serangga perosak. Encik Wong berasa amat sedih. Namun

demikian, dia tidak (2) _____ asa.

Encik Wong (3) _____ dengan pegawai pertanian di daerahnya. Nama pegawai itu Encik Firaz. Encik Firaz pun (4) _____ Encik Wong menyelesaikan masalahnya. Encik Firaz menunjukkan kaedah penanaman pokok yang betul kepada Encik Wong.

Selepas berjumpa dengan Encik Firaz, Encik Wong (5) _____ tanamannya mengikut kaedah yang telah diberitahu oleh Encik Firaz.

Dua bulan kemudian, tanaman Encik Wong (6) _____. Encik Wong sungguh gembira. Encik Wong berjumpa dengan Encik Firaz. Dia mengucapkan terima kasih kepada Encik Firaz.

KIT KATA

hektar: ukuran luas tanah
diserang: didatangi
kaedah: cara
daerah: tempat atau kawasan di sekitar sesebuah bandar
menyelesaikan: mencari jalan mengatasi